

NO. SOALAN: 151

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH
[BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 23 MEI 2016

RUJUKAN : 9148

SOALAN:

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kerajaan mempertimbangkan untuk menggubal perundangan untuk mengharamkan perkahwinan kanak-kanak (*'child marriage'*). Sekiranya ya, bilakah ia akan digubal dan sekiranya tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hanya mendaftarkan perkahwinan bagi orang bukan Islam seperti yang diperuntukkan bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164). Bagi perkahwinan orang Islam pula, ia ditadbir oleh pihak berkuasa hal ehwal agama negeri masing-masing.

Turut dimaklumkan bahawa, Akta 164 telah jelas menggariskan had umur bagi pendaftaran perkahwinan seperti berikut:-

- 1. Lelaki bukan Islam haruslah berumur 18 tahun ke atas; dan**
- 2. Wanita bukan Islam haruslah berumur 16 tahun ke atas.**

Dalam hal ini, walaupun Akta 164 membenarkan perkahwinan seseorang perempuan yang telah genap umur 16 tahun tetapi di bawah 18 tahun, tetapi ia perlulah mendapatkan kebenaran melalui satu lesen yang diberi oleh Menteri Besar/ Ketua Menteri di bawah Subseksyen 21(2) Akta yang sama.

Oleh itu berhubung perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, Kementerian pada masa ini tidak bercadang untuk membuat pindaan pada Akta 164 kerana telah ada peruntukan yang jelas menghadkan had umur pasangan bagi sesuatu perkahwinan.

SOALAN: 152

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN SOALAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU
LANGAT]**

TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)

RUJUKAN : DR13

SOALAN :

YB. Dr. Che Rosli Bin Che Mat [Hulu Langat] Minta Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar menyatakan kejayaan Cemerlang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam penyelidikan Perkayuan dan Perhutanan yang mengharumkan nama Malaysia.

Jawapan:

Tuan Yang di- Pertua,

Kejayaan dan sumbangan ulung FRIM dalam bidang penyelidikan perkayuan dan perhutanan yang mengharumkan nama negara antaranya adalah:

- i. Penyelidikan ke atas kayu getah yang berjaya menjadikannya sebagai sumber bahan mentah alternatif kepada industri perabot negara, sekaligus meningkatkan jumlah eksport perabot daripada RM58 juta pada tahun 1988 kepada RM6.4 billion pada tahun 2014. Melalui penyelidikan ini, kayu getah menjadi sumber bahan mentah yang paling dikehendaki oleh industri perabot negara;
- ii. Penyelidikan ke atas batang kelapa sawit telah berjaya menghasilkan pelbagai produk seperti panel, kertas dan pulpa, kompos dari batang dan tandan kosong kelapa sawit;
- iii. Penyelidikan ke atas tumbuhan herba yang berpotensi dikomersialkan telah dilaksanakan secara usahasama dengan syarikat yang berminat. Sebagai contoh, terdapat 17 produk yang telah dikomersialkan daripada ekstrak piawai/prototaip, 36 produk prototaip antaranya teh, kapsul herba serta makanan anti oksida, koleksi minyak pati daripada 160 spesies serta 31 ekstrak piawai tumbuhan ubatan;

- iv. Projek hutan paya gambut negara yang dilaksanakan pada 2002 hingga 2008 berjaya menghasilkan satu pelan pembangunan bersepadu Taman Negara Logan Bunut di Sarawak;
- v. Penyelidikan komposit kayu pula terarah kepada penggunaan maksimum bahan lignoselulosa bagi penghasilan produk industri hiliran kayu kayan. Penyelidikan ini tertumpu kepada meningkatkan mutu produk panel untuk memenuhi standard ISO dan negara pengimport seperti Jepun (JAS/JIS), Eropah (CE Marking) dan USA (Carb);
- vi. Perkhidmatan teknikal contohnya ujian komposit kayu, yang mana makmalnya telah mendapat pensijilan ISO 9001:2000 dan ISO 17025 bagi membolehkan analisa dari makmal ini diperakui oleh Standard Malaysia dan negara-negara di bawah perjanjian antarabangsa;
- vii. Usaha FRIM dalam mendokumentasikan flora di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak sejak tahun 1960-an;
- viii. Pendokumentasian pengetahuan tradisi orang asli berkaitan tumbuhan ubatan di Semenanjung;
- ix. Pendokumentasian penggunaan tumbuhan ubatan dalam pengamalan perubatan Melayu;
- x. Penyelidikan untuk memulihara kawasan *mud-flat* dengan penggunaan teknik penanaman yang sesuai. FRIM telah

memperkenalkan Teknik *Comp-Mat* sebagai kaedah penanaman terbaik untuk spesies bakau dengan kadar kemandirian yang tinggi. Penyelidikan ini turut membantu mengurangkan fenomena hakisan pantai negara yang serius; dan

- xi. Penghasilan teknologi baru bagi pengeringan kayu iaitu, *High Temperature Drying* (HTD) yang boleh memendekkan tempoh pengeringan kayu daripada dua (2) minggu ke tiga (3) hari bagi penghasilan produk kayu bebas rawatan kimia.

Sekian, terima kasih.